



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : LATIHAN DAN PEMBANGUNAN**  
**KOD KURSUS : DSM2153 / DSM2093**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**


1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
  - i. Bahagian A mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.
  - ii. Bahagian B mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.
2. Pelajar dikehendaki menjawab semua soalan di Bahagian A dan Bahagian B.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Kertas Jawapan Objektif.

**SOALAN 1**

- a. Nyatakan **lima (5)** manfaat latihan kepada organisasi. (5 markah)
- b. Berikan **lima (5)** kepentingan latihan kepada pekerja. (5 markah)

**SOALAN 2**

- a. Terangkan **tiga (3)** hukum pembelajaran dalam Teori Behaviorisme. (6 markah)
- b. Nyatakan **empat (4)** Skim Latihan yang ditawarkan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB). (4 markah)

**SOALAN 3**

Kejayaan seorang jurulatih adalah dapat menyampaikan ilmu dan pengalamannya terhadap pelatih dan dapat menghasilkan perubahan prestasi terhadap program latihan yang dijalankan olehnya. Terangkan **lima (5)** kecekapan yang diperlukan oleh jurulatih untuk melatih pekerja dalam organisasi.

(10 markah)

**SOALAN 4**

Pengendalian program latihan yang baik memerlukan perkhidmatan jurulatih yang berupaya bertindak sebagai jurulatih profesional. Jelaskan **lima (5)** peranan jurulatih yang berkesan.

(10 markah)

**SOALAN 5**

Sekiranya anda adalah Pegawai Latihan di Syarikat Jalen Sdn. Bhd, mengapakah anda berpendapat bahawa analisis tugas dan analisis organisasi penting dalam menentukan keperluan latihan pekerja?

(10 markah)

**SOALAN 6**

Huraikan teknik latihan pertunjukan kaedah dan teknik latihan lakon peranan.

(10 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Mr. Roberto merupakan seorang pengurus di Syarikat Zimbabwe Sdn.Bhd. Beliau telah mengarahkan Pegawai Sumber Manusia untuk mengadakan Program Latihan Komunikasi Berkesan dalam kalangan pekerjaannya. Oleh sebab itu, Pegawai Sumber Manusia perlu membuat persiapan dan pengurusan untuk mengadakan program latihan tersebut.

a. Jelaskan persediaan yang perlu dilakukan oleh Pegawai Sumber Manusia sebelum mengadakan Program Latihan Komunikasi Berkesan.

(12 markah)

b. Pada pandangan anda, mengapakah Pegawai Sumber Manusia perlu melakukan pengurusan selepas kursus?

(8 markah)

**SOALAN 2**

Puan Afifa seorang pekerja di Syarikat Bakery Roll Sdn.Bhd. Beliau telah menghadiri program latihan yang dianjurkan oleh majikannya untuk meningkatkan kemahirannya membuat kek. Oleh sebab itu, Puan Afifa telah menunjukkan perubahan prestasi kerja yang lebih baik selepas menghadiri program latihan tersebut.

- a. Jelaskan **lima (5)** teknik yang boleh digunakan oleh Syarikat Bakery Roll Sdn. Bhd untuk mempertingkatkan pemindahan latihan di tempat kerja.  
(10 markah)
  
- b. Terangkan pendekatan D.L Kickpatrick untuk tahap perlakuan dan tahap hasil terhadap penilaian program latihan yang dihadiri oleh Puan Afifa.  
(10 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**